

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO

TARIKH : 8 MAC 2017

RUJUKAN : 9601

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes dan jumlah harta yang mana harta-harta orang yang disiasat telah dilucutkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 tanpa apa-apa pertuduhan jenayah terhadap pemilik-pemilik tersebut sejak 2010 (dari tahun ke tahun) dan mengikut negeri sama ada wujudnya atucara untuk menuntut harta-harta tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, sebanyak 9 kes harta telah dilucuthak bernilai RM27,394,175.74 pada tahun 2015 masing-masing 1 kes di Perak, 3 kes di Selangor, 4 kes di Kuala Lumpur dan 1 kes di Pahang.

Manakala sebanyak 7 kes harta dilucuthak bernilai RM2,978,736.57 pada tahun 2016. Bilangan kes mengikut negeri adalah 1 kes di Negeri Perak, 3 kes di Selangor, 4 kes di Kuala Lumpur dan 1 kes di Negeri Pahang.

Di bawah Seksyen 56(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFAPUA), harta orang yang disiasat boleh dilucutkan walaupun tanpa apa-apa pertuduhan jenayah terhadap pemiliknya. Prosedur menuntut harta tersebut diperuntukkan di bawah Seksyen 61 AMLATFAPUA dimana pihak ketiga boleh menuntut apa-apa kepentingan dengan menghadirkan diri di ke mahkamah pada tarikh yang ditetapkan.